

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL INSMAT 2019



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5632-majlis-sambutan-maulidur-rasul-insmat-2019

KINRARA, 14 Nov 19 – Institut Pengurusan Materiel telah mengadakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul INSMAT yang disempurnakan oleh Pegawai Memerintah INSMAT, Lt Kol Omar Zai bin Abas TUDM.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kecintaan kepada Rasulullah S.A.W dan menghayati pengorbanan serta keperibadian Baginda.

Dalam majlis ini turut diadakan sesi ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Abdul Shukur bin Zainul Abidin daripada 93 Rejimen Semboyan Diraja bertajuk Akhlakmu Akhlakku yang diadakan di Dewan Prima Tumang dan perarakan berselawat ke Surau Al-Hijriah INSMAT.

